



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 38 / 2023

URUSAN PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRK DUN) N.67 JEPAK, SARAWAK

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar, Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **DUN N.67 Jepak, Sarawak**.
2. Sehubungan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini, **25 September 2023 (Isnin)** dan memutuskan satu **PRK DUN N.67 Jepak, Sarawak** hendaklah diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi tersebut.
3. Bagi maksud menjalankan PRK DUN N.67 Jepak, Sarawak, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti berikut:

Tarikh Writ	:	25 September 2023 (Isnin)
Hari Penamaan Calon	:	21 Oktober 2023 (Sabtu)
Hari Undi Awal	:	31 Oktober 2023 (Selasa)
Hari Mengundi	:	4 November 2023 (Sabtu)

4. Tempoh berkempen ditetapkan **14 hari** bermula selepas pengisytiharan calon-calon yang bertanding pada **21 Oktober 2023 (Sabtu)** sehingga pukul **11.59 malam, 3 November 2023 (Jumaat)**.

5. Urusan permohonan semua kategori undi pos luar negara dan dalam negara bagi DUN N.67 Jepak, Sarawak dibuka bermula dari hari ini, **25 September 2023 (Isnin)**. Manakala tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Tarikh Tutup
1	1A (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media)	18 Oktober 2023 (Rabu)
2	1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara)	4 Oktober 2023 (Rabu)
3	1C (Agensi / Organisasi)	9 Oktober 2023 (Isnin)

6. **Permohonan undi pos adalah secara dalam talian (*online*).** Maklumat lanjut dan panduan permohonan undi pos boleh dirujuk melalui **Portal SPR, www.spr.gov.my**.

7. Bagi menjalankan proses PRK DUN N.67 Jepak, Sarawak, SPR telah melantik **seorang (1) Pegawai Pengurus Pilihan Raya** dibantu oleh **tiga (3) orang Penolong Pegawai Pengurus**. Manakala bagi tujuan memantau aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR akan menubuhkan dua

- (2) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** yang turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding.
8. Bagi maksud PRK DUN N.67 Jepak, Sarawak, **Pusat Penamaan Calon (PPC)** dan **Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)** yang digunakan adalah di **Balai Raya Kampung Jepak, Bintulu**.
9. Seramai **446 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses PRK DUN N.67 Jepak, Sarawak. Manakala, sebanyak **14 buah pusat mengundi biasa** yang mengandungi **45 tempat mengundi/saluran** dan satu (1) **pusat mengundi awal** yang mengandungi satu (1) **tempat mengundi/saluran awal** akan digunakan. Keseluruhan jumlah pusat mengundi adalah sebanyak **15 buah dengan 46 tempat mengundi/saluran**. PRK DUN N.67 Jepak, Sarawak memerlukan peruntukan sebanyak **RM2.0 juta**.
10. Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) yang akan digunakan untuk PRK DUN N.67 Jepak, Sarawak adalah **daftar pemilih terkini sehingga Daftar Pemilih Tambahan Bulan Jun 2023** yang dikemaskini sehingga **15 September 2023**. DPPR ini mengandungi seramai **22,804 orang pemilih** yang terdiri daripada **22,761 orang pengundi biasa** dan **43 orang anggota polis**. DPPR bagi PRK DUN N.67 Jepak, Sarawak akan mula dijual pada **16 Oktober 2023 (Isnin)**.

11. Para pengundi boleh membuat **semakan maklumat** pengundian untuk mengetahui maklumat **pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan** mereka melalui portal semakan di pautan <https://mysprsemak.spr.gov.my> atau hubungi **Hotline SPR** di talian **03-8892 7018/ 7218/ 7124** atau melalui **aplikasi MySPR Semak**. Semakan maklumat pengundian akan **dibuka pada 16 Oktober 2023 (Isnin)**.
12. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRK DUN N.67 Jepak, Sarawak, agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Sarawak sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah digalakkan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Ini bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.
13. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus itu hendaklah dikemukakan oleh calon atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari Penamaan Calon di PPC yang telah ditetapkan oleh SPR.
14. Pada PRK ini juga, SPR turut menawarkan kepada **mana-mana agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau badan yang berminat** untuk menjadi **pemerhati pilihan raya** dalam melihat perjalanan **proses PRK** ini bermula dari **hari penamaan calon sehingga keputusan pilihan raya diumumkan**. Mereka dibenarkan untuk membuat pemerhatian

seperti **di pusat penamaan calon, pusat mengundi, tempat pengiraan undi dan pusat penjumlahan rasmi undi** serta perlu mematuhi kesemua syarat-syarat pelantikan yang telah ditetapkan.

15. **Maklumat lanjut dan borang permohonan** untuk pemerhati boleh diperolehi daripada **Portal SPR www.spr.gov.my mulai hari ini, 25 September 2023 (Isnin)** dan **tarikh tutup permohonan** pada **9 Oktober 2023 (Isnin)**.
16. SPR akan meneruskan penyiaran secara langsung proses-proses pilihan raya menerusi *live streaming* bagi Pusat/Saluran Mengundi yang terpilih di laman *Facebook* SPR sebagaimana yang dilaksanakan pada pilihan raya sebelum ini.
17. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen `**Jom Kita Undi**` melalui pelbagai saluran media termasuk di media elektronik, media sosial, hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik tumpuan awam dan tempat-tempat lain yang bersesuaian.

Sekian dan terima kasih.

DR. AZMI SHAROM
Timbalan Pengurus
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
25 September 2023 / 9 Rabiulawal 1445H